



BULETIN INSTUN

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

EDISI TERHAD / PERCUMA

BULANAN : EDISI DISEMBER 2024

PENAUNG:
Tuan Khairin Nazry bin Karim

PENASIHAT:
Encik Jacob Raju a/l Jayadurai

KETUA EDITOR:
Encik Abdul Rashid bin Omar

REKAAN & GRAFIK:
Encik Wan Mohd Firdausz
bin Wan Mohd Zahari

SIDANG EDITORIAL:
UKP BPPT
UKP BUP
UKP BTM
UKP RND
PRO INSTUN

Dari Ketua Editor

Syukur ke hadrat Ilahi, Buletin Bulan Disember 2024 berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Disember. Ia juga adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsikan bersama tentang informasi aktiviti yang telah dilakukan selari dengan perancangan di dalam takwim INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadi perangsang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti kepada Penyelaras Buletin jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin INSTUN pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

Encik Abdul Rashid bin Omar
Ketua Seksyen Perhubungan Awam INSTUN

ISSN 2600-853X



PROGRAM BICARA TOKOH DAN RAMAH MESRA BERSAMA YBHG. DATO' HAZRI BIN HASSAN, KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

Tarikh : 19 Disember 2024 / 17 Jamadil akhir 1446 H

Tempat : Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)

Tujuan : Bagi menyempurnakan sesi perkongsian ilmu dan pengetahuan bersama tokoh dalam bidang Ukur dan Pemetaan serta mendekati warga pengurusan tertinggi INSTUN dan beramah mesra bersama kader JUPEM di Institut Tanah dan Ukur Negara.

Penglibatan: Pengurusan tertinggi serta Kakitangan Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP) di INSTUN.

Program dimulai dengan sesi perkongsian ilmu dan pengetahuan oleh YBhg. Dato' LS Hazri bin Hassan, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia yang berlangsung sekitar satu (1) jam di Studio Mini INSTUN. Tajuk Bicara Tokoh iaitu "Halatuju Profesional Juruukur dan Jurugeospatial di Malaysia" ini telah dipancarkan secara langsung melalui media sosial facebook serta diperantara oleh Sr Fauzani binti Azam, Ketua Program Ukur Geodetik INSTUN.

Selesai Program Bicara Tokoh, YBhg. Dato' telah meluangkan masa sejam untuk duduk beramah mesra dengan warga BUP di Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster bagi memberikan nasihat dan berkongsikan pandangan berkaitan Profesional Ukur dan Pemetaan. Seterusnya beliau dibawa ke Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO) untuk sesi pertemuan bersama pengurusan tertinggi INSTUN sebelum berangkat pulang.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih daripada warga Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN kepada YBhg. Dato' di atas kesudian mendatangi INSTUN demi memenuhi hasrat yang ingin kami sempurnakan. Semoga YBhg. Dato' dapat menerajui bidang Ukur dan Pemetaan di Malaysia ke arah kecemerlangan serta kegemilangan.



BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI DISEMBER 2024



KURSUS ASAS TANAH DAN PENGAMBILAN BALIK TANAH DI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

TARIKH : 9 hingga 10 Disember 2024

TEMPAT : Grand Paragon Hotel

PENCERAMAH : Encik Azman bin Mad Dali

PENGANJUR : Majlis Bandaraya Johor Bahru

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini diadakan secara bersemuka dengan peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan dalam seramai 28 orang. Objektif kursus adalah untuk memberi pengetahuan dan kemahiran asas berkaitan aspek Pengambilan Tanah. Kandungan kursus adalah Intisari Akta Pengambilan Tanah 1960, Ambil Milik, Caj Bayaran Lewat, Pampasan Tambahan dan Penyelesaian Hakmilik Sambungan, Permohonan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 3(1)(a),(b) dan (c) sehingga Seksyen 10 APT 1960, Notis, Siasatan dan Perintah oleh Pentadbir Tanah, Bayaran Pampasan dan Bantahan Agensi, Permohonan Pemberimilikan dan Perizinan Tanah serta Penarikan Balik dan Implikasinya Kepada Agensi.



BULANAN : EDISI DISEMBER 2024

“SEMBANG TANAH!” FACEBOOK LIVE BILANGAN 22

TARIKH	:	12 Disember 2024
TEMPAT	:	Bilik Studio, Perpustakaan INSTUN
PENGLIBATAN	:	<ul style="list-style-type: none">Bahagian Pengurusan dan Perundangan TanahBahagian Teknologi MaklumatBahagian Penyelidikan dan PembangunanBahagian Pentadbiran dan Kewangan

RINGKASAN PROGRAM : Program “Sembang Tanah!” FB Live adalah satu program yang diperkenalkan oleh Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah. Program ini adalah untuk memperluaskan lagi pengetahuan orang awam berkenaan ilmu tanah dan menjadikan platform pada panel-panel di Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah untuk kongsikan ilmu mereka.

Panel kali ini, Encik Rosdi bin Mohd Yaacob dan moderator Nurul Asyikin binti Khair-Al-Anwar membincangkan tajuk “Pecah Bahagian bagi Seorang Pemilik Syer”. Live kali ini meraih tontonan tertinggi iaitu 2500 penonton.

Semoga perkongsian ini memberi manfaat kepada kita semua dan berjumpa lagi di *Live Sembang Tanah* seterusnya.



BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI DISEMBER 2024



“SEMBANG TANAH!” FACEBOOK LIVE BILANGAN 23

TARIKH : 31 Disember 2024

TEMPAT : Bilik Studio, Perpustakaan INSTUN

PENGLIBATAN :
• Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah
• Bahagian Teknologi Maklumat
• Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
• Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

RINGKASAN PROGRAM : Program “Sembang Tanah!” FB Live adalah satu program yang diperkenalkan oleh Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah. Program ini adalah untuk memperluaskan lagi pengetahuan orang awam berkenaan ilmu tanah dan menjadikan platform pada panel-panel di Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah untuk kongsikan ilmu mereka.

Siri kali ini kami menampilkan dua orang panel, Encik Azman bin Mad Dali dan Encik Huzaifah bin Amnan gandingan bersama moderator Puan Erni Safura binti Awang. Tajuk yang ingin dibincangkan kali ini adalah berkenaan “Kaedah Pembelian Tanah oleh Kerajaan”.

Semoga perkongsian ini memberi manfaat kepada kita semua dan berjumpa lagi di Live Sembang Tanah seterusnya.





BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI DISEMBER 2024

SESI PENILAIAN PERSEMBAHAN MENTEE BPPT 2024

TARIKH : Sepanjang Disember 2024

TEMPAT : Bilik PKG, Blok C, INSTUN

RINGKASAN PROGRAM : Sesi ini telah dihadiri seramai 19 orang kakitangan dari Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah. Objektif sesi penilaian ini adalah untuk melahirkan dan membangunkan tenaga pengajar dalaman yang kompeten untuk melaksanakan tugas dengan cemerlang.

Setiap mentee akan dinilai persembahan mereka dan diberikan pemarkahan oleh mentor dan barisan panel yang terlibat. Mentee-mentee yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan akan diperakuan untuk menyampaikan ceramah bagi tajuk yang telah dipilih. Tahniah kepada para mentee kerana telah berjaya menyampaikan topik masing-masing dengan baik.

BIL	MENTEE	PILIHAN TOPIK
1	NASRUL IZANI BIN RAMLI	PENGENALAN KEPADA AKTA HAKMILIK STRATA 1985
2	MOHD ROSDI BIN MOHD YAACOB	URUSNIAGA DAN HALANGAN URUSNIAGA TANAH RIZAB MELAYU
3	ABDUL MALEK BIN ABDULLAH	PERKEMBALIAN TANAH AKIBAT MARAN DAN MUNDURAN LAUT ATAU SUNGAI
4	SUHAILA BINTI IBRAHIM	PERMOHONAN HAKMILIK STRATA , SYARAT KELULUSAN DAN PENDAFTARAN HAKMILIK STRATA
5	NORANIZAWATY BINTI YUSOF	PENGENALAN KEPADA AKTA GSA 1960
6	ABNORHADY BIN ABU BAKAR	PEMBANGUNAN DI BAWAH AKTA TANAH (KAWASAN-KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960
7	AZMAN BIN MAD DALI	PERMOHONAN UKUR, BAYARAN PENYELARASAN DAN PINDAAN CUKAI SERTA PENGETAHUAN HAKMILIK SAMBUNGAN
8	HUZAIFAH BIN AMNAN	NOTIS, SIASATAN DAN PERINTAH
9	MOHD ZOOLHALMY BIN RAZALI	PENGENALAN KEPADA AKTA HAKMILIK STRATA 1985
10	SITI AMINAH BINTI SAMSURI	JENIS-JENIS NOTIS DI BAWAH KTN DAN AHS 1985 DAN TATACARA PENYAMPAIANNYA
11	MOHD SHUKRI BIN HAMZAH	SISTEM PENTADBIRAN DAN PERUNDANGAN TANAH DI MALAYSIA DAN PENGENALAN KEPADA KTN
12	WAN FATIMAH BINTI HJ YA'AKOB	SISTEM PENTADBIRAN DAN PERUNDANGAN TANAH DI MALAYSIA DAN PENGENALAN KEPADA KTN
13	MOHD ADHAM FARID BIN MOHAMMAD DAUD	SISTEM PENTADBIRAN DAN PERUNDANGAN TANAH DI MALAYSIA DAN PENGENALAN KEPADA KTN

BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI DISEMBER 2024





PROGRAM ATTACHMENT JURUUKUR DAN PENOLONG JURUUKUR INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN) DI JABATAN UKUR DAN PEMETAAN PERAK (JUPEM PERAK)

Tarikh : 2-3 Disember 2024 / 29 Jamadil awwal – 1 Jamadil akhir 1446 H

Tempat : Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)

Tujuan : Mendapatkan pendedahan kepada Juruukur dan Penolong Juruukur Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP) selaku penceramah dan fasilitator Program Latihan Bidang Kadaster yang dilaksanakan di INSTUN berkaitan Pemahaman Proses Permohonan Ukur (PU) Hakmilik Tanah dan proses penyediaan PU Digital serta dapat menambah pelbagai lmu pengetahuan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Perak.

Penglibatan: Tiga (3) orang kakitangan BUP masing-masing daripada Unit Khidmat Pengurusan, Seksyen Kadaster dan Seksyen Pemetaan.

Program sangkutan ini telah memberikan lebih banyak pendedahan berkaitan proses kerja, isu dan cabaran serta kepentingan berkaitan PU kepada peserta daripada INSTUN untuk lebih mengetahui aspek-aspek berkaitan PU itu sendiri. Melalui program ini, peserta dapat menyelami sendiri proses yang terlibat dan membolehkan mereka merasai sendiri pengalaman sebenar kerja-kerja berkaitan PU yang dilakukan di dalam pejabat JUPEM Negeri Perak.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada YBrs. Tuan Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Perak serta kakitangan JUPEM Negeri Perak di atas kesudian menerima dan berkongsikan pengetahuan berkaitan PU kepada Kakitangan BUP INSTUN selama dua (2) hari.



BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN



BULANAN : EDISI DISEMBER 2024

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN LATIHAN (JPL) INSTUN BIL.2/2024

Tarikh : 19 Disember 2024 (Khamis)

Tempat : Hibrid - Bilik Mesyuarat Melati, Wisma INSTUN dan secara atas talian.

Penglibatan : Pengarah, Ketua-ketua Bahagian, Pendaftar, Ketua-ketua Program, Ketua-ketua Seksyen, Ketua-ketua Unit Pengurusan Latihan dan Ketua-ketua Unit Khidmat Pengurusan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Latihan (JPL) INSTUN Bil.2/2024 telah diadakan pada 19 Disember 2024 di secara hibrid di Bilik Mesyuarat Melati, Wisma INSTUN dan secara atas talian. Mesyuarat ini bertujuan untuk memantau pelaksanaan latihan oleh INSTUN dan seterusnya membincangkan isu-isu dalam melaksanakan program latihan berkaitan bidang pentadbiran tanah, ukur, pemetaan dan lain-lain bidang berkaitan dengan penjawat awam. Mesyuarat dimulakan dengan perutusan pengurus daripada Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN).

Mesyuarat diteruskan dengan pengesahan minit Mesyuarat JPL Bil.1/2024 dan maklum balas daripada seksyen dan bahagian. Pihak urus setia membentangkan laporan pencapaian program latihan INSTUN, laporan program kerjasama INSTUN, laporan kehadiran peserta kursus, ringkasan eluan penceramah, ringkasan yuran kursus, laporan analisis penceramah INSTUN dan laporan program mentor – mentee mengikut bahagian. Mesyuarat ditangguhkan dengan ucapan penutup daripada Pengarah INSTUN.





BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

BULANAN : EDISI DISEMBER 2024

MESYUARAT JAWATANKUASA TRANSFORMASI LATIHAN INSTUN BIL.2/2024

Tarikh : 19 Disember 2024 (Khamis)


Tempat : Hibrid - Bilik Mesyuarat Melati, Wisma INSTUN dan secara atas talian.

Penglibatan : Pengarah, Ketua-ketua Bahagian, Pendaftar, Ketua-ketua Program, Ketua-ketua Seksyen, Ketua-ketua Unit Pengurusan Latihan dan Ketua-ketua Unit Khidmat Pengurusan.

Mesyuarat Jawatankuasa Transformasi Latihan INSTUN Bil.2/2024 telah diadakan pada 19 Disember 2024 di secara hibrid di Bilik Mesyuarat Melati, Wisma INSTUN dan secara atas talian. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan idea-idea bagi tujuan transformasi INSTUN secara keseluruhan. Mesyuarat dimulakan dengan perutusan pengurus daripada Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN). Mesyuarat diteruskan dengan pengesahan minit Mesyuarat Jawatankuasa Transformasi Latihan Bil.1/2024 dan pihak urus setia membentangkan laporan maklum balas daripada seksyen dan bahagian. Antara perkara berbangkit yang dibincangkan adalah seperti berikut:


1. Penawaran kursus pensijilan;
2. Penjenamaan Majlis Penasihat Latihan INSTUN (MPLI);
3. Pelan Pembangunan INSTUN (2025 – 2040);
4. Status Cadangan Transformasi INSTUN ke arah Badan Berkanun Persekutuan;
5. Status Cadangan Ruang Latihan INSTUN di Bangunan JUPEM Sabah;
6. Pembangunan Pelan Strategik INSTUN;
7. Status Cadangan Kajian Berskala Besar;
8. Penangguhan Dasar Latihan Sektor Tanah, Ukur dan Geospatial (DLSTUGN); dan
9. Cadangan Penggabungan Mesyuarat JK Transformasi Latihan INSTUN dengan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Latihan INSTUN bagi tahun 2025.

Mesyuarat ditangguhkan dengan ucapan penutup daripada Pengarah INSTUN.



Tahukah Anda

Dimanakah INSTUN dan Cara Memohon Kursus Online



PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat melalui dua cara iaitu secara online melalui eSPEK (Sistem Pengurusan Kursus INSTUN) atau dengan mengisi borang permohonan kursus APD (U-04) yang boleh diperolehi dengan melayari laman web INSTUN atau di Pejabat INSTUN.

Pengarah

Institut Tanah dan Urusan Negara
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Behrang Ulu, 35950 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan

Tel : +605-454 2825 Faks : 05-454 2837

Laman Web : www.instun.gov.my

Tarikh Tutup Permohonan :

Dua (2) minggu (hari bekerja) sebelum tarikh kursus dijalankan.

Penginapan dan Makan Minum Semasa Berkursus :

Kemudahan penginapan dan makan minum disediakan kepada semua peserta kursus yang layak.

PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

1 Pendaftaran Akaun Baru

- Tap url espek.instun.gov.my.
- Klik pada link Pertama Kali Mendaftar.
- Isi borang dan klik butang Daftar. Permohonan akan aktif setelah pengesahan dibuat oleh Pentadbir Sistem eSPEK.

2 Daftar Masuk Ke Sistem

- Isikan ruangan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang telah didaftarkan.
- Klik butang Log Masuk.

3 Lupa Kata Laluan

- Pada muka hadapan sistem klik hyperlink Lupa Kata Laluan.
- Isikan ruangan No. KP dan klik butang Hantar Kata Laluan.
- Sistem akan hantar emel yang mengandungi hyperlink untuk pengguna menukar kata laluan.

4 Carian Kursus

- Isikan ruangan "Nama Kursus", "Kod Kursus" atau "Tarikh Mula Kursus".
- Klik butang Cari.

5 Senarai Kursus

- Pada dropdown menu "Senarai" pilih Bahagian dan pilih Bulan. Sistem akan paparkan senarai kursus tahun 2020.
- Pada senarai nama kursus klik butang kanan mouse dan akan keluar butang berikut:
 - Lihat – untuk melihat maklumat terperinci kursus.
 - Mohon – untuk memohon kursus.
 - Setelah klik butang mohon, isi borang permohonan tersebut dan klik butang Hantar.

6 Kalendar Kursus

- Pada dropdown menu, pilih "Tahun" dan "Bahagian".
Klik butang cari.

7 Status Permohonan

- Pada status permohonan, ia akan paparkan senarai kursus yang pernah dipohon oleh pengguna berserta dengan status permohonan.
- Klik pada senarai nama kursus dan akan keluar butang berikut:
 - Lihat Permohonan – untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi dan boleh dikemaskini.
 - Pengesahan Kehadiran – untuk membuat pengesahan samada hadir, tidak hadir dan tidak hadir dengan pengganti.
 - Cetak Surat Tawaran – untuk mencetak surat tawaran yang telah dijana oleh penyelaras kursus.
 - Lihat Content Base Training – untuk melihat nota interaktif berkaitan kursus
- Batal Permohonan – untuk membatalkan permohonan kursus. Butang ini hanya aktif bagi status "Dalam Proses" sahaja.

8 Pengesahan Kehadiran

- Pada pengesahan kehadiran, ia akan paparkan senarai kursus yang statusnya "Dipilih" sahaja.
- Klik butang kanan tetikus dan ia akan paparkan pilihan berikut:
 - Lihat Borang Permohonan – untuk melihat / mengemaskini borang permohonan
 - Penilaian – untuk mengisi borang penilaian kursus
 - Ujian – untuk menjawab soalan ujian yang telah dimasukkan oleh Penyelaras Kursus.
- Klik pada pilihan Pengesahan Kehadiran dan borang pengesahan kehadiran akan dipaparkan. Pilih samada "Hadir", "Tidak Hadir" atau "Tidak Hadir Dengan Pengganti". Isikan butiran yang diperlukan dan klik butang simpan.

9 Surat Tawaran

- Klik butang kanan tetikus, ia akan paparkan butang Cetak Surat Tawaran. Surat tawaran hanya boleh dicetak sekiranya telah dijana oleh penyelaras kursus.

10 Kursus Semasa

- Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus semasa (kursus yang sedang diikuti pada tarikh semasa), ia akan paparkan tiga butang berikut:
 - Lihat Borang Permohonan – untuk melihat / mengemaskini borang permohonan
 - Penilaian – untuk mengisi borang penilaian kursus
 - Ujian – untuk menjawab soalan ujian yang telah dimasukkan oleh Penyelaras Kursus.

11 Rekod Kursus

- Menu ini akan memaparkan rekod kursus yang pernah dipohon oleh pengguna. Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus, akan paparkan butang berikut:
 - Lihat Borang Permohonan – untuk lihat borang permohonan
 - Rekod kehadiran – untuk melihat rekod kehadiran kursus
 - Lihat Jawapan Ujian – untuk menyemak semula jawapan ujian yang telah dijawab.

12 Pengumuman / Berita

- Individu – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada individu
- Kursus – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada peserta - peserta bagi satu kumpulan kursus
- Umum – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada semua pengguna eSPEK.

13 Lihat Profil

- Untuk melihat / mengemaskini profil peribadi.